

# Kemajuan Islam dan Hubungannya dengan Penemuan Sains

Muhammad Afiq Samuri, Muhammad Ashraf Mohamad Ali, & Siti Suhaila Ihwani

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Samuri, Muhammad Afiq; Mohamad Ali, Muhammad Ashraf; Ihwani, Siti Suhaila (2018). Sains Kemajuan Islam dan Hubungannya dengan Penemuan Sains in *Prosiding Seminar Tamadun Islam 2018* pada 17hb. Ogos 2018 di Bilik Kuliah 6, Blok N28, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, UTM, p. 59-72. ISBN: 978-967-2171-28-7.

## Abstract

Agama Islam adalah agama yang menyeluruh dan lengkap, mempunyai aturan kehidupan yang sangat sempurna dan merangkumi pelbagai aspek kehidupan sama ada dari segi taraf kehidupan, sosial, politik dan sebagainya. Semua umat Islam perlu menyahut seruan dalam kemajuan dan pembangunan terhadap sains bagi mencapai kemakmuran dan kesejahteraan dalam negara. Sains memainkan peranan utama untuk mencipta teknologi bagi kemajuan negara dan menjadi antara salah satu teras kepada pembentukan tamadun manusia. Kertas kerja ini membincangkan tentang kemajuan Islam dan hubungannya dengan penemuan sains. Kata kunci: Islam, sains, pembentukan

## References

- Abdul Razak, Khadijah. (2006). *Pendidikan Akhlak: Konsep dan Peranannya dalam Pembentukan Insan*. Kertas kerja Dibentangkan di Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 5).
- Abidin, D.Z. (2003). *Perubatan Islam Edisi Kedua*. Bentong, Pahang: PTS Millennia.
- Ahmad, Khurshid. (1979). *Economic Development in an Islamic Framework, Dlm. Islamic Perspectives*. London: The Islamic Foundation.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2016). *Halal dan Haram dalam Islam*.
- Amin, Mohd Hairudin, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Sekolah agama di Malaysia: sejarah, isu & cabaran*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Press.
- Ashraf Aziz, Mohd Farid Abbas, Mohd Saaban Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Kemuncak dalam Tamadun Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012.
- Awang, Abdul Hadi. (2007). *Akidah Muslim*. Batu Caves, Selangor: PTS Islamika / PTS Publications & Distributors.
- Awang, Ramli, Haron, Zulkifli, & Ripin, Mohd Nasir. (2012). *Sains Tamadun Islam*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Baba, Sidek. (2006). *Pendidikan Rabbani*. Shah Alam: Karya Bestari.
- Barbour, Ian G. . (2005). *Menemukan Tuhan dalam Sains Kontemporer dan Agama*. Bandung: Mizan.
- Basiran, Nur Amirah, Mohd Saberi, Nur Syazana, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Ajaran dan Kepercayaan Agama Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Basiron, Bushrah, & Mhod Shubari, Mohammad Iqram. (2015). Mahasiswa dan Amalan Kerohanian. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Mahasiswa dan Kehidupan dari Perspektif Islam: Asas Pembangunan Diri* (Vol. 1). Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Dzahabi, al. (1961). *Al-Tafsir wa al-Mufasssirun* (Vol. Jilid II). Kairo: Daar al-Kutub al-Haditsah.
- Hassan, Muhammad Haniff. (2000). *Pandangan Umum Islam Terhadap Kesihatan dan Perubatan*. Singapura: Perdaus.
- Hassan, Wan Fuad Wan. (1996). *Ringkasan Sejarah Sains*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Pembangunan Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun Islam 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013a). Al-Quran Satu Mukjizat yang Menakjubkan. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Pres.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013b). *Bootani, Zoologi dan Tenaga dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013c). *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013d). *Sains Asas, Fizik, Kimia dan Geografi dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.

- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016). *Pendidikan sebagai Medium Penerapan Islam dalam Sains dan Teknologi*. Kertas kerja Dibentangkan di Persidangan Islam dalam Sains dan Teknologi 2016 (PIST'16), Dewan Senat, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018a). Karakter 7B Mukmin Cemerlang. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*, 4(1), 1-22.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018b). *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018c). *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd Ismail, & Muhammad, Azhar. (2008). *Wanita dalam Dakwah dan Pendidikan*. Johor Bahru, Johor: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Ahmad, Azura, & Jamarluddin, Izzatul Amanda. (2013). Al-Quran dan biologi. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran* (pp. 49-73). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Ahmad Zawawi, Nurliyana. (2013). Al-Quran dan Geografi. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Sains Asas, Fizik, Kimia dan Geografi dari Perspektif al-Quran* (pp. 55-81). Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Hassan, Noordiana. (2013). Al-Quran dan Geologi. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Geologi, Hidrologi, Oceanografi dan Astronomi dari Perspektif al-Quran* (pp. 1-19). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Salleh, Siti Fauziyani. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd Ismail, Bachok, Nurul Atika, & Chik, Nong. (2017). Membina Remaja Cemerlang dengan Kerohanian. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat: Dasar mbaagwiiia Remaja Hebat, P., ISBN: 978-983-52-1376-2*. (Vol. 1, pp. 57-81). Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Othman, Siti Nadirah, & Walter, Azureen Sabina. (2012, 21 April 2012). *Zaman Kegemilangan Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2011). *Dasar Akidah Muslim*
- Kamus Dewan*. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kuang, Lau Chun, Sulaiman, Salwani, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Islam: Agama, Sejarah, dan Tamadun*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nor, Zalinah. (1990). *Pembangunan Insan Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd. Hairudin, Amin, & Kamarul Azmi, Jasmi. (2011). *Sekolah Agama: Penjana Generasi Berakhlak* (Ed. 1. ed.). Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia: Penerbit UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhajir, Ali Musa Raza. (1976). *Lessons from The Stories of The Quran*. Pakistan: Lahore
- Nor Muhamad, Nasrul Hisyam, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2007, 2-3 Februari 2007). *Peribadi Cemerlang Menurut Perspektif al-Ghazali*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu Ke-3, Sunway Lagoon Resort Hotel, Kuala Lumpur.
- Othman, Siti Nadirah, Walter, Azureen Sabina, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Zaman Kegemilangan Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012.
- Razak, Ratna Roshida Ab. (2010). *Menjambatankan Sains dan Islam: Satu Keperluan Kritikal dalam Pembentukan Tamadun Malaysia dalam Islam dan Sains dalam Pembangunan Tamadun*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islam Malaysia. .
- Riza, Syahrul. (2008). *Konsep Pendidikan Islam Menurut Pemikiran Ibn Khaldun: Suatu Kajian Terhadap Elemen-Elemen Kemasyarakatan Islam*. (Ijazah Sarjana Sastera), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Schoun, F. (1972). *Understanding Islam*. London: Allen And Uwin.
- Suhid, Asmawati. (2005). Pemantapan Komponen Akhlak dalam Pendidikan Islam bagi Menangani Era Globalisasi. *Jurnal Kemasyarakatan*, 6(S), 95-104.
- Zienu, Muhammad Jamil. (2013). *Aqidah Islamiyah daripada Seorang Muslim dan As-Sunnah yang Sahih*. Selangor: Badan Perkhidmatan Penerangan Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan (BPPI)

# 5

## KEMAJUAN ISLAM DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENEMUAN SAINS

Muhammad Afiq Samuri  
Muhammad Ashraf Mohamad Ali  
Siti Suhaila Ihwani

### Abstrak

*Agama Islam adalah agama yang menyeluruh dan lengkap, mempunyai aturan kehidupan yang sangat sempurna dan merangkumi pelbagai aspek kehidupan sama ada dari segi taraf kehidupan, sosial, politik dan sebagainya. Semua umat Islam perlu menyahut seruan dalam kemajuan dan pembangunan terhadap sains bagi mencapai kemakmuran dan kesejahteraan dalam negara. Sains memainkan peranan utama untuk mencipta teknologi bagi kemajuan negara dan menjadi antara salah satu teras kepada pembentukan tamadun manusia. Kertas kerja ini membincangkan tentang kemajuan Islam dan hubungannya dengan penemuan sains.*

**Kata kunci:** *Islam, sains, pembentukan*

### PENGENALAN

Fenomena agama penting difahami kerana ia merupakan sebahagian daripada kehidupan manusia (Basiron & Mhod Shubari, 2015; Jasmi, Kamarul Azmi *et al.*, 2017). Berdasarkan fahaman sekular agama melibatkan kepercayaan terhadap suatu yang bersifat “*transcendent*” dan “*beyond*”. Sekiranya sesebuah tamadun mengalami kejatuhan maka agama turut mengalami kejatuhan. Agama mempunyai peranan yang penting dalam membina masyarakat yang bertamadun (Jasmi, Kamarul Azmi, 2018a). Dalam konteks ini, agama merujuk kepada sistem kepercayaan yang dianuti oleh mana-mana masyarakat dan dikaitkan dengan kuasa daripada sumber tertinggi (Jasmi, Kamarul Azmi & Tamuri, 2011; Awang, A. H., 2007). Agama pada lazimnya bermakna kepercayaan kepada Tuhan atau sesuatu kuasa yang ghaib dan sakti seperti dewa dan juga amalan dan institusi yang berkait dengan kepercayaan tersebut. Agama dan kepercayaan merupakan dua perkara yang sangat berkaitan tetapi agama mempunyai

makna yang lebih luas, iaitu merujuk kepada satu sistem kepercayaan yang kohensif dan kepercayaan ini adalah mengenai aspek ketuhanan.

Tamadun merujuk kepada suatu tingkat pencapaian daripada segi pembangunan sosial keadaan masyarakat yang berperadaban atau menjadi bertamadun (Zainy Uthman 2012). Hal demikian, bermaksud suatu masyarakat yang mencapai tahap maju dalam bidang sosial, seni dan sains yang mempunyai kompleksiti daripada segi budaya yang dibentuk dalam kelompok tertentu.

Hubungan agama dan tamadun tidak boleh dipisahkan kerana agama menjadi faktor penentu ketamadunan sesebuah masyarakat contohnya Tamadun Aztec, Sumeria atau Babylonia, Mesir Purba, China dan Indus-Ganges mempunyai system kepercayaan yang menentukan imej tamadun mereka.

Pembangunan adalah bersifat multi-dimensi, iaitu mempunyai pelbagai medium yang merangkumi aspek fizikal, kerohanian dan moral menurut Islam. Seterusnya, untuk menilai dalam pembangunan menggunakan aspek Allah SWT Yang Satu, iaitu hanya Allah SWT yang berkuasa dan manusia merupakan hamba di dunia yang berperanan untuk memajukan alam semesta dengan berpandukan al-Quran dan as-Sunnah.

Nabi Muhammad SAW membawa agama Islam yang diredhai oleh Allah SWT sehingga ke hari kiamat (Basiran *et al.*, 2012). Islam adalah benar dan sempurna dengan pelbagai perundangan yang tepat untuk menjadi garis panduan serta menyelesaikan masalah yang timbul di kalangan penganutnya. Umat Islam sama ada mereka dilahirkan atau baru mengenali Islam lalu memeluk agama Islam, mereka perlu mengikut dan mematuhi segala yang terkandung serta tertulis dalam al-Quran dan sunah Nabi Muhammad SAW. Selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW, Islam menjadikan sumber rujukan daripada ijmak dan qias, iaitu sumber rujukan ini sebagai kaedah dalam mengeluarkan fatwa atau hukum yang merujuk kepada masalah yang timbul.

Umat Islam perlu mematuhi segala perintah Allah SWT dan larangan-Nya. Iman seseorang umat Islam boleh terbatal secara automatik sekiranya mereka tidak mematuhi segala perintah Allah SWT. Undang-undang Islam adalah benar dan apabila seseorang individu mempercayai undang-undang selain agama Islam adalah kufur (Zienu, 2013; Jasmi, Kamarul Azmi, 2018a).

Kemajuan Islam pada masa ini disebabkan penguasa dari Dinasti Bani Abbasiyah mengambil keputusan dengan mengambil orang Persia menjadi orang yang berkepentingan di istana, terutama dari keluarga Baramikah, sebuah keluarga yang lama mengetahui dengan ilmu pengetahuan Hellenisme yang mempengaruhi umat Islam untuk belajar dan mengembangkan pemikiran Islam (Ashraf Aziz, 2012; Jasmi, Kamarul Azmi, 2012;

Jasmi, Kamarul Azmi *et al.*, 2012; Kuang *et al.*, 2012; Othman *et al.*, 2012).

Perhubungan antara agama dan sains merupakan isu sudah lama yang hingga kini masih berkembang di dunia Barat. Hal demikian, Islam tidak mendekati persoalan sains ini daripada perspektif tersebut kerana al-Quran dan sunah memberikan sistem yang lengkap dan sempurna yang mencukupi semua aspek kehidupan manusia, termasuk kegiatan ilmiah atau penyelidikan ilmiah. Al-Quran sangat menekankan pentingnya membaca dan menghayatinya. Al-Quran mengambil contoh dari fizik, biologi dan ilmu kedokteran sebagai tanda kekuasaan Allah untuk dikaji oleh manusia (Dzahabi, 1961; Awang, R. *et al.*, 2012).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Di antara objektif yang terdapat dalam kertas kerja ini adalah:

- (1) Mendefinisikan kemajuan Islam dan sains.
- (2) Membincangkan tentang pencapaian kemajuan masyarakat Islam dalam bidang sains.
- (3) Membincangkan tentang hubungan kemajuan Islam dengan penemuan sains.

## **KONSEP PEMBANGUNAN MENURUT ISLAM DAN KESAN TERHADAP SAINS**

Terdapat dua perbincangan utama di bawah tajuk konsep pembangunan menurut Islam, iaitu pendidikan atau ilmu pengetahuan terhadap pembangunan manusia dan sains Islam dan syariah Islamiyah yang dilihat menurut perspektif hubungan.

### **Pendidikan atau Pengetahuan terhadap Pembangunan Manusia**

Antara faktor yang mempengaruhi pembangunan yang mapan adalah pendidikan (Mohd. Hairudin & Kamarul Azmi, 2011; Amin & Jasmi, 2012; Suhid, 2005; Abdul Razak, 2006; Baba, 2006; Jasmi, Kamarul Azmi & Md Salleh, 2007). Perkembangan sumber manusia terikat secara langsung dengan pembangunan yang bermaksud pembangunan terhadap material, fizik dan spiritual (Mohd Nor, 1990; Jasmi, Kamarul Azmi, 2002, 2018c). Salah satu modal dalam pembangunan negara adalah tahap pendidikan dan ilmu yang ada, iaitu merupakan sumber manusia. Oleh hal demikian, apabila berlaku peningkatan dalam negara sekali gus juga memberikan impak yang baik kepada pembangunan negara. Justeru, kesan terhadap pembangunan dalam pendidikan merupakan antara tunjang terpenting dalam memastikan peningkatan dalam sesebuah negara.

Islam menyuruh umatnya menuntut, menyebarkan dan menjaga darjat sesuatu ilmu (Jasmi, Kamarul Azmi, 2002; Nor Muhamad & Jasmi, 2007; Jasmi, Kamarul Azmi *et al.*, 2008; Jasmi, Kamarul Azmi, 2018b). Nabi Muhammad mendapat wahyu terawal yang menjelaskan tentang kepentingan menimba ilmu, iaitu dalil al-Quran yang dinyatakan dalam Surah al-‘Alaq ayat 1 hingga ayat 5:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝ أَلَمْ يَكُنْ أَقْرَأَ ۝ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۝ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝

Maksud: *Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), (1) Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; (2) Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, (3) Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, (4) Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya. (5)*

(Surah al-‘Alaq: 96:1-5)

Menurut Islam, konsep ilmu berpegang kepada prinsip Allah SWT sebagai satu-satunya pemilik ilmu dan manusia dipinjamkan setitik daripada selautan ilmu milik-Nya. Walaupun demikian, ilmu tersebut sangat dipandang tinggi oleh-Nya walaupun sedikit dan digunakan ke arah yang betul dan benar serta meningkatkan tahap keimanan yang mantap terhadap Allah SWT dengan mengikut suruhan-Nya dan meninggalkan perkara yang mungkar. Seterusnya, dalam menuntut ilmu perlu dikembangkan dengan berdasarkan asas tauhid. Semua peradaban di dunia secara tidak langsung berhubung kait dengan perkembangan dan kemajuan terhadap ilmu pengetahuan yang terdapat dalam sesuatu empayar itu tersendiri. Justeru, pelbagai ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW mengingatkan tentang perkara ini. Islam memberi penekanan terhadap ilmu dari segi kepentingan dan keperluan dalam menuntut ilmu. Agama Islam merupakan agama yang menyokong darjat ilmu pengetahuan termasuk orang yang berilmu (Barbour, 2005; Jasmi, Kamarul Azmi, 2018a).

Walau bagaimanapun, ilmu boleh menjadi panduan dan sumber kepada manusia untuk mencipta kejayaan serta ilmu yang manusia perolehi dapat meningkatkan jati diri dan kelainan kasta mereka dengan hidupan yang lain. Oleh hal demikian, apabila sesebuah negara mempunyai rakyat yang ilmu tinggi dan berpengetahuan, negara tersebut akan menjadi

maju dan bertamadun. Dalam al-Quran, Allah SWT berjanji bahawa orang yang berilmu tinggi dan berpengetahuan akan memiliki kelebihan yang banyak seperti dalam dalil al-Quran yang bermaksud:

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ  
خَيْرًا كَثِيرًا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٢٦٩﴾

Maksud: Allah memberikan hikmah (ilmu pengetahuan) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan orang yang diberikan ilmu pengetahuan bererti ia diberikan kebaikan yang banyak.

(Surah al-Baqarah, 2: 269)

Terbukti orang yang berilmu diberikan kedudukan yang baik oleh Allah SWT bukan sahaja ketika kehidupan mereka di dunia bahkan darjat mereka di sisi-Nya

### Sains Islam dan Syariah Islamiyah: Perspektif Hubungan

Sains Islam mempunyai konsep dan teknologi yang tidak memudaratkan Islam tersendiri (Jasmi, Kamarul Azmi, 2016). Walau bagaimanapun, bagi peringkat awal perkembangan bahan-bahan diperolehi daripada pelbagai sumber yang baik. Pengkajian berasaskan al-Quran oleh penyelidikan sains menuju ke arah yang ditetapkan, iaitu menunjukkan tanda ke-Esaan Allah SWT yang menciptakan segalanya (Jasmi, Kamarul Azmi, 2013a, 2013b, 2013d, 2013c). Hal ini sebagaimana firman Allah SWT:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ  
لِّأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿١٩٠﴾ الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ  
جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا  
خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾

Maksud: Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang yang berakal; (190) (Iaitu)

*orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka. (191)*

(Surah *Ali 'Imran*, 3: 190-191).

Oleh hal demikian, amat digalakkan dalam Islam dan sebagai contoh tentang proses kejadian manusia pertama, iaitu Adam AS yang berasal daripada tanah dalam firman-Nya:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ سُلَالَةٍ مِنْ طِينٍ ﴿١٢﴾ ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً  
 فِي قَرَارٍ مَّكِينٍ ﴿١٣﴾ ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ  
 مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظْمًا فَكَسَوْنَا الْعِظْمَ لَحْمًا ثُمَّ  
 أَنْشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ ﴿١٤﴾

Maksud: Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah; (12) Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh; (13) Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku. lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta. (14)

(Surah *al-Mukminun*, 23: 12-14)

Terbukti dalam penyelidikan, iaitu analisis kimia terdapat 105 jenis terhadap tanah yang ada pada unsur diri manusia, walaupun perkadaran adalah berbeza (Muhajir, 1976; Jasmi, Kamarul Azmi *et al.*, 2013; Jasmi, Kamarul Azmi, 2013c).

Seterusnya, sains Islam dapat dibuktikan melalui analisis yang memberikan gambaran dan tujuan serta kedudukan sains dalam Islam. Islam mampu menerangkan dan menjelaskan imejnya tersendiri terhadap cara dan adaptasi sains yang dipengaruhi. Akal manusia, alam semesta dan al-



Quran merupakan aspek asas dalam penggarapan wahyu. Ketiga-tiganya dikaitkan secara sempurna dengan gagasan utama Islam, bahawa dengan kuasa-Nya, Allah SWT menciptakan dan mempersembahkan ciptaan-Nya (Schoun, 1972; Jasmi, Kamarul Azmi, 2013d, 2013b; Jasmi, Kamarul Azmi & Ahmad Zawawi, 2013; Jasmi, Kamarul Azmi & Hassan, 2013). Segala bentuk ilmu pengetahuan adalah saling berkaitan dengan al-Quran, pengkajian dan penyelidikan serta penghasilan teknologi harus menghubungkannya dengan kebenaran al-Quran yang merupakan tunggak utama ketamadunan Islam.

## **SAINS PERUBATAN ISLAM**

Menurut *Kamus Dewan* (2005) Edisi Keempat, dari segi bahasa perubatan merupakan berubat, yang berkaitan dengan ubat atau perubatan. Seterusnya, maksud yang lain adalah mengubati atau menyembuhkan penyakit pesakit. Selain itu, perubatan juga membawa maksud mengubat. Menurut istilah Arab, kalimah *al-tibb* membawa maksud kepakaran dalam sesuatu kemahiran. Perubatan juga digunakan untuk sihir.

Kebanyakan ulama atau cendekiawan dalam perubatan Islam tidak mentafsirkan bahawa perubatan Islam secara khusus atau satu kemahiran ilmu dan amalam yang berasaskan ilmu sains perubatan serta terkandung dalam kaedah, nilai atau rawatan yang mengikut al-Quran dan sunah dan tidak bertentangan (Hassan, W. F. W., 1996; Jasmi, Kamarul Azmi, 2013c, 2013b). Dari perkara di atas beberapa perkara yang perlu difahami:

- (1) Wujud ilmu sains perubatan.
- (2) Kaedah dan aturcara rawatan.
- (3) Mengikut al-Quran dan sunah dan tidak bertentangan.

Walau bagaimanapun, di Malaysia apabila disebut perubatan Islam secara automatik para umat akan berfikiran bahawa perubatan Islam ialah penggunaan ayat al-Quran dan secara tradisional berbeza dengan rawatan oleh pakar perubatan di hospital atau klinik.

### **Perkembangan Ilmu Perubatan**

Kaitan antara program pengalihan ilmu yang berkait dengan falsafah ini dengan perkembangan bidang perubatan ialah bidang ini, iaitu perubatan merupakan salah satu cabang penting ilmu falsafah. Menurut pandangan Ibn Khaldun (Riza, 2008), bidang perubatan adalah sebahagian dari cabang al-Tabi'iyat. Oleh itu, perkembangan ilmu falsafah di alam dunia Islam juga bermakna perkembangan bidang perubatan. Hal

demikian, bidang perubatan ini lebih menjurus kepada kajian, pengamatan, pengalaman dan saintifik, maka perkembangannya dalam dunia Islam tidak ditentang oleh para ilmuan Islam kecuali jika terdapat unsur yang melanggar batas-batas wahyu (Al-Qaradawi, 2016).

Seterusnya, dalam Islam apabila mengkaji dalam ilmu saintifik akan menghubungkan dengan ibadat juga. Oleh hal demikian, mengkaji ilmu saintifik bukan hanya semata-mata kerana ia perlu selaras dan seimbang juga dengan ajaran Islam. Dalam ilmu sains dan teknologi juga membimbing manusia ke arah ketaqwaan dan ketaatan kepada Allah SWT yang mengandungi iman, ibadat serta keprihatinan terhadap nilai Islam sebagai contoh menjadi khalifah, amanah dan adil. Kaedah pembangunan dan kemajuan dalam Islam adalah bersifat sempurna dari segi moral, kerohanian dan material. Untuk mencapai kesempurnaan sesuatu keimanan ia bergantung kepada kesempurnaan manusia itu sendiri (Ahmad, 1979).

### **Pakar Perubatan Islam**

Seorang bidan dan tukang urut pula perlu memahami struktur anatomi tubuh badan manusia baik lelaki mahupun wanita. Mereka tahu akan segala urat, nadi, tulang, otot dan kedudukan organ dalam tubuh tanpa perlu mebedahnya. Apabila diurut mereka bukan sahaja mengurut urat dan otot malah menekan, menggosok seluru badan untuk memastikan kelancaran perjalanan darah. Sementara itu, para bidan dan tukang urut secara Islam akan membacakan doa berlandaskan al-Quran dan sunah (Hassan, M. H., 2000; Abidin, 2003). Oleh hal demikian, cara tersebut adalah sama dengan cara untuk mengenal pasti yang dijalankan oleh doktor moden. Selain itu, ia berbeza dengan bidan atau dukun kerana mereka dapat mengenal pasti masalah pesakit dengan cara melihat pesakit itu bernafas, berjalan, riak muka serta bercakap. Walau bagaimanapun, ilmu perubatan yang diperolehi pada masa zaman canggih ini juga ada sesetengah penyakit tidak dapat diubati oleh doktor dan hanya boleh diubati oleh dukun atau tabib yang mengikut ajaran Islam.

Menurut teori Islam, tubuh badan akan menjadi sihat apabila peredaran darah itu lancar. Oleh hal demikian, para pengamal perubatan tradisional memahami unsur yang empat, iaitu air, api, tanah dan angin sebagai tujuan mengesan ketidakseimbangan serta keserasian. Selain itu dalam ilmu Islam, umat Islam mengutamakan keseimbangan dan keserasian dalam setiap unsur serta ilmu sains berlandaskan pada hukum alam. Namun ini bukan memberi maksud bahawa mereka mengamalkan "*survival of the fittest*" seperti yang dinyatakan oleh Darwin, tetapi mereka mengutamakan keseimbangan dan keserasian (Hassan, M. H., 2000; Abidin, 2003).

## PERANAN AGAMA ISLAM DALAM PERKEMBANGAN SAINS

Agama Islam sebagai paradigma sebagai justifikasi terhadap konsep sains dan belum menjadi paradigm keilmuan yang menyeluruh, iaitu holistik. Sistem pendidikan di sekolah antara ilmu agama dan ilmu umum yang harus diterapkan secara terperinci dalam sesebuah proses pengenalan yang bermaksud antara agama dan sains dapat disinergikan secara fleksibel dan *link and match* (Jasmi, Kamarul Azmi, 2018a). Sains dan agama memiliki nilai penting untuk menghilangkan anggapan antara agama dan sains adalah dua hal yang tidak dapat disatukan dan untuk membuktikan bahawa agama Islam bukan agama yang kolot yang tidak menerima kemajuan ilmu sains, melainkan agama yang terbuka dan wahyu, iaitu al-Quran merupakan sumber dan inspirasi daripada semua ilmu. Antara sumbangan cendekiawan Islam ialah daripada al-Battani dan Ibnu Yunus

### **Al-Battani**

Penemuan sains oleh al-Battani yang merupakan seorang Islam adalah tentang waktu pergerakan bumi terhadap matahari. Pergerakan waktu bumi terhadap matahari, iaitu sebanyak 365 hari, 5 jam, 46 minit dan 24 saat. Angka waktu tersebut didapati melalui penggunaan teknologi moden yang tepat. Selain itu, hasil penemuan garisan bujur terhadap matahari sebanyak 16,47 darjah sejak dilakukan oleh Ptolomeus semasa beberapa abad sebelum ini. Hal demikian, beliau dianggap ahli cendekiawan oleh orang Eropah kerana beliau banyak memberi sumbangan terhadap astronomi yang berasal dari bahasa Arab, iaitu Azimuth, Zenith dan Nadir.

### **Ibnu Yunus**

Penemuan sains Ibnu Yunus adalah pendulum. Pendulum berfungsi mengetahui masa dan waktu seseorang sedang mengkaji tentang angkasa. Sebelum penemuan Galileo Galilei tentang pendulum, Ibnu Yunus terlebih dahulu dikenali masyarakat (1564-1642). Selain itu, penemuan "*Gunnars Quadrant*" juga merupakan oleh Ibnu Yunus. "*Gunnars Quadrant*" ialah sebuah alat untuk mengukur pergerakan bintang. Ibnu Yunus juga menulis beberapa buku seperti "al-Zij al-Kabir al-Hakim atau Zij Ibnu Yunus" atau lebih dikenali sebagai "Hakemite Astronomical Table". Seterusnya, buku tersebut diterjemahkan dalam pelbagai bahasa dan diedarkan di seluruh negara.

## PEMIKIRAN SAINS ISLAM

Secara spesifiknya kebenaran tentang ilmu sains secara ilmiah berdasarkan petunjuk al-Quran. Di samping itu, pendekatan ini mampu meyakinkan dan menjelaskan sesuatu fakta dengan merujuk pada hadis nabi, ahli ilmuwan Islam, saintis Islam dan bukan Islam. Sesuatu pendapat boleh diterima jika tidak bertentangan dengan al-Quran dan sunah (Razak, 2010). Walau bagaimanapun, ketamadunan Islam berpaksikan peradaban keilmuan Islam dalam masa yang sama turut mengadaptasi dan mengasimilasi ilmu daripada ketamadunan asing yang tidak bercanggah dengannya. Faktor ini menjadikan tamadun Islam zaman silam mencapai zaman kegemilangannya kerana ilmuwan pada zaman tersebut menyeimbangkan pencarian ilmu duniawi dan ukhrawi. Pendek kata sains memerlukan Islam kerana tanpa Islam sebagai panduan, apa jua kemajuan dan pencapaian sains dianggap sebagai proses yang berlaku untuk menggantikan nilai dan kepercayaan kepada hal yang ghaib, akan menjadikan manusia di peringkat positif, walhal dalam Islam, manusia yang maju ialah mereka yang dapat mengubah keadaan luarannya menurut nilai mutlak (Razak, 2010).

## RUMUSAN

Bidang sains terhadap pencapaian umat Islam amat memuaskan. Pencapaian tersebut adalah terbatas untuk kebudayaan terutamanya umat Islam tradisional. Sistem perubatan yang dimiliki oleh umat Islam sehingga kini diterima oleh sesetengah umat Islam mahupun masyarakat lain. Selain itu, kemodenan hari ini sesuai untuk ubatan tradisi dari segi pembungkusan dengan bentuk yang selamat dan bersih. Cendekiawan sains tempatan menginovasikan semula ubat tradisional kepada bentuk yang lebih moden seperti kapsul serta menjamin keselamatan dan bersih.

Pencapaian yang berlaku di Malaysia menjadi satu tunggak untuk negara lebih maju selaras untuk mencapai wawasan 2020. Oleh hal demikian, menjadi satu bukti bahawa umat Islam berupaya mencapai dalam bidang sains kerana sains wujud semasa zaman tradisional. Kaedah sains tradisional tidak sama dengan kaedah sains moden pada masa kini kerana terdapat beberapa kelemahan. Walau bagaimanapun, kaedah tersebut bukan menjadi satu batasan yang menjadi umat Islam ketinggalan tetapi ia juga menghasilkan pencapaian yang baik. Lantaran itu, kejayaan umat Islam dalam bidang sains amat penting kerana dapat membina keyakinan dan jati diri terhadap umat Islam yang lain untuk menghasilkan sesuatu pencapaian sains. Cendekiawan Islam pada zaman dahulu menjadi role model kepada umat Islam pada masa kini kerana tamadun Islam mencapai kemajuan melalui tamadun yang dibina oleh cendekiawan pada zaman dahulu.

## RUJUKAN

- Abdul Razak, Khadijah. (2006). *Pendidikan Akhlak: Konsep dan Peranannya dalam Pembentukan Insan*. Kertas kerja Dibentangkan di Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 5).
- Abidin, D.Z. (2003). *Perubatan Islam Edisi Kedua*. Bentong, Pahang: PTS Millennia.
- Ahmad, Khurshid. (1979). *Economic Development in an Islamic Framework, Dlm. Islamic Perspectives*. London: The Islamic Foundation.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2016). *Halal dan Haram dalam Islam*.
- Amin, Mohd Hairudin, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Sekolah agama di Malaysia: sejarah, isu & cabaran*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Press.
- Ashraf Aziz, Mohd Farid Abbas, Mohd Saaban Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Kemuncak dalam Tamadun Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012.
- Awang, Abdul Hadi. (2007). *Akidah Muslim*. Batu Caves, Selangor: PTS Islamika / PTS Publications & Distributors.
- Awang, Ramli, Haron, Zulkifli, & Ripin, Mohd Nasir. (2012). *Sains Tamadun Islam*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Baba, Sidek. (2006). *Pendidikan Rabbani*. Shah Alam: Karya Bestari.
- Barbour, Ian G. . (2005). *Menemukan Tuhan dalam Sains Kontemporer dan Agama*. Bandung: Mizan.
- Basiran, Nur Amirah, Mohd Saberi, Nur Syazana, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Ajaran dan Kepercayaan Agama Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Basiron, Bushrah, & Mhod Shubari, Mohammad Iqram. (2015). *Mahasiswa dan Amalan Kerohanian*. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Mahasiswa dan Kehidupan dari Perspektif Islam: Asas Pembangunan Diri* (Vol. 1). Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Dzahabi, al. (1961). *Al-Tafsir wa al-Mufasssirun* (Vol. Jilid II). Kairo: Daar al-Kutub al-Haditsah.
- Hassan, Muhammad Haniff. (2000). *Pandangan Umum Islam Terhadap Kesihatan dan Perubatan*. Singapura: Perdaus.
- Hassan, Wan Fuad Wan. (1996). *Ringkasan Sejarah Sains*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Pembangunan Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun Islam 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013a). *Al-Quran Satu Mukjizat yang Menakjubkan*. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Pres.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013b). *Botani, Zoologi dan Tenaga dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.

- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013c). *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013d). *Sains Asas, Fizik, Kimia dan Geografi dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016). *Pendidikan sebagai Medium Penerapan Islam dalam Sains dan Teknologi*. Kertas kerja Dibentangkan di Persidangan Islam dalam Sains dan Teknologi 2016 (PIST'16), Dewan Senat, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018a). Karakter 7B Mukmin Cemerlang. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*, 4(1), 1-22.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018b). *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018c). *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd Ismail, & Muhammad, Azhar. (2008). *Wanita dalam Dakwah dan Pendidikan*. Johor Bahru, Johor: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Ahmad, Azura, & Jamarluddin, Izzatul Amanda. (2013). Al-Quran dan biologi. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran* (pp. 49-73). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Ahmad Zawawi, Nurliyana. (2013). Al-Quran dan Geografi. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Sains Asas, Fizik, Kimia dan Geografi dari Perspektif al-Quran* (pp. 55-81). Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Hassan, Noordiana. (2013). Al-Quran dan Geologi. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Geologi, Hidrologi, Oceanografi dan Astronomi dari Perspektif al-Quran* (pp. 1-19). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Salleh, Siti Fauziyani. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd Ismail, Bachok, Nurul Atika, & Chik, Nong. (2017). Membina Remaja Cemerlang dengan Kerohanian. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat: Dasar mbaagwiaa Remaja Hebat, P., ISBN: 978-983-52-1376-2*. (Vol. 1, pp. 57-81). Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Othman, Siti Nadirah, & Walter, Azureen Sabina. (2012, 21 April 2012). *Zaman Kegemilangan Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2011). *Dasar Akidah Muslim Kamus Dewan*. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kuang, Lau Chun, Sulaiman, Salwani, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Islam: Agama, Sejarah, dan Tamadun*. Kertas Kerja

- Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nor, Zalinah. (1990). *Pembangunan Insan Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd. Hairudin, Amin, & Kamarul Azmi, Jasmi. (2011). *Sekolah Agama: Penjana Generasi Berakhlak* (Ed. 1. ed.). Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia: Penerbit UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhajir, Ali Musa Raza. (1976). *Lessons from The Stories of The Quran*. Pakistan: Lahore
- Nor Muhamad, Nasrul Hisyam, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2007, 2-3 Februari 2007). *Peribadi Cemerlang Menurut Perspektif al-Ghazali*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu Ke-3, Sunway Lagoon Resort Hotel, Kuala Lumpur.
- Othman, Siti Nadirah, Walter, Azureen Sabina, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Zaman Kegemilangan Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012.
- Razak, Ratna Roshida Ab. (2010). *Menjambatankan Sains dan Islam: Satu Keperluan Kritikal dalam Pembentukan Tamadun Malaysia dalam Islam dan Sains dalam Pembangunan Tamadun*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islam Malaysia. .
- Riza, Syahrul. (2008). *Konsep Pendidikan Islam Menurut Pemikiran Ibn Khaldun: Suatu Kajian Terhadap Elemen-Elemen Kemasyarakatan Islam*. (Ijazah Sarjana Sastera), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Schoun, F. (1972). *Understanding Islam*. London: Allen And Uwin.
- Suhid, Asmawati. (2005). Pemantapan Komponen Akhlak dalam Pendidikan Islam bagi Menangani Era Globalisasi. *Jurnal Kemamusiaan*, 6(S), 95-104.
- Zienu, Muhammad Jamil. (2013). *Aqidah Islamiyah daripada Seorang Muslim dan As-Sunnah yang Sahih*. Selangor: Badan Perkhidmatan Penerangan Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan (BPPI).

